



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

[Utama](#) [Arkib](#) [2017](#) [Petikan Akhbar](#) [Mingguan Malaysia - TN50: Belia Perlu Peduli Masa Depan](#)

Mingguan Malaysia - TN50: Belia Perlu Peduli Masa Depan

Ahad, Apr 02 2017



TN50: Belia perlu peduli masa depan

Mingguan M'sia 2/4

KUALA LUMPUR 1 April - Golongan belia perlu mengubah pemikiran ke arah lebih mementingkan masa depan jika mahu Transformasi Nasional 2050 (TN50) menjadi kenyataan.

Ahli Parlimen Belia Perak, Rizmel Nazrin Abdul Malik berkata, ketika ini masih terdapat golongan belia yang tidak begitu mempedulikan masa depan mereka sendiri sehingga mengancam wawasan serta visi negara.

"Kita sebenarnya memerlukan lebih ramai belia yang melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti seperti program TN50 supaya lebih banyak suara dapat didengar sekali gus dapat membentuk masa depan negara.

"Cuma ketika ini masih ramai remaja bersikap tidak kisah, malah ada terlibat dalam pelbagai gejala negatif. Justeru, diharapkan belia mula

mengubah mentaliti sedia ada demi masa depan mereka," katanya dalam program TN50 bersama 16 pemimpin belia anjuran Majlis Belia Malaysia (MBM), di sini malam tadi.

Dalam program tersebut, pelbagai topik dibincangkan antaranya stigma masyarakat, pendidikan, ekonomi, sukan dan perkauman.

Rizmel Nazrin berkata, membentuk masa depan bukan satu perkara yang mudah, tetapi beliau percaya TN50 dapat membantu kerajaan mengenal pasti jalan penyelesaian terbaik untuk tempoh 30 tahun akan datang.

"Perubahan tidak boleh dilakukan dalam masa singkat tetapi kerajaan tidak pernah berhenti mencari jalan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi oleh masyarakat terutama belia ketika ini," katanya.



- BISNES
- AGENSI
- WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro

e-Penyertaan & Maklumbalas

Statistik & Prestasi

Pautan

Agensi

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ pro[at]treasury[dot]gov[dot]my



© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **22 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

